

No. Sebut harga : JKR(CKM)NS(S)/Q/009/2021

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH**

**Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan
Cawangan Kejuruteraan Mekanikal
Jalan Tuanku Antah
70100 Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus**

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan aset	*Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan
1.	TRAKTOR / FIAT 65-56 TAHUN: 1990	NAC 7901	1	RM1,000.00

* Nota : Bagi yang berkaitan sahaja.

2. Aset boleh dilihat pada **19 April 2021** hingga **30 April 2021** di antara jam **9.00 pagi** hingga **4.00 petang** di **Stor JKR Daerah Berkenaan (Sila hubungi Urusetia Pelupusan- JKR Cawangan Kejuruteraan Mekanikal Negeri Sembilan sebelum membuat lawatan)**
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperolehi bermula **19 April 2021** hingga **30 April 2021** dengan harga **RM30.00 (Ringgit Malaysia Tiga Puluh Sahaja)** di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut harga **JKR(CKM)NS(S)/Q/009/2021** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat:-

**Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan
Cawangan Kejuruteraan Mekanikal
Jalan Tuanku Antah
70100 Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus**

5. Tarikh tutup sebut harga pada **3 Mei 2021** jam 12.00 tengah hari. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.


(Tandatangan Ketua Jabatan)

Alamat: **AZLINA BINTI MOHD YASIN**
Tarikh: Ketua Jurutera Mekanikal Negeri
JKR Caw. Kejuruteraan Mekanikal
Negeri Sembilan Darul Khusus
Cap: **16/4/2021**



SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama **Bendahari Negeri, Negeri Sembilan**
3. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.

Nota : Syarat-syarat sebutharga boleh dipinda mengikut keperluan Kementerian/Jabatan.